



INISIATIF UMW ini diterima baik oleh golongan pelajar dan komuniti pendidikan.

Program PINTAR UMW

Kosmo 24/06/08 MS 26

Menjadikan beberapa buah sekolah terpilih di seluruh negara sebagai sekolah angkat, ribuan pelajar menerima manfaat daripada tugas sosial pengedar label kereta Toyota, UMW ini.

Oleh AHMAD SYUKRAN ZAINUDDIN
ahmadsyukran@kosmo.com.my


PROSES pembelajaran di sekolah pasti akan menjadi lebih seronok dan penuh motivasi bagi 1,600 murid sekolah rendah apabila mereka dibekalkan dengan buku-buku kerja tambahan, kelas tuisyen dan ceramah motivasi.

Semua inisiatif ini bermula menerusi perolehan peruntukan daripada pihak UMW sebanyak RM290,000 bagi membantu murid-murid memperkasakan pencapaian akademik mereka di bawah Program PINTAR UMW.

Antara sekolah yang terlibat termasuklah Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Mertajam, Kepala Batas dan SK Sungai Rusa, Balik Pulau di Pulau Pinang yang dijadikan sebagai sekolah angkat UMW pada tahun 2007 dengan 140 orang murid dapat menikmati faedahnya.

Sementara itu, sebanyak dua buah sekolah lain iaitu SK Kampong Laut di Palekbang, Kelantan dan SK Padang Gajah di Trong, Perak terpilih pada tahun ini untuk menerima segala kelebihan program tersebut.

Program PINTAR yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2006 merupakan inisiatif kerjasama di antara syarikat milik kerajaan (GLC) yang berminat membantu murid,



MURID-MURID dari empat buah sekolah terpilih dibimbing untuk lebih berjaya dalam peperiksaan UPSR. – Gambar hiasan

ibu bapa, guru dari sekolah-sekolah terpilih untuk terus bermotivasi sekali gus meningkatkan prestasi dalam pencapaian akademik.

Dengan konsep menjadikan sekolah-sekolah tertentu sebagai sekolah angkat, pihak UMW telah

bekerjasama rapat dengan Khazanah Nasional Berhad dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk menjayakan program ini.

Untuk rekod, PINTAR membawa maksud *Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating*

Responsibility.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif UMW Holdings Berhad, Datuk Abdul Halim Harun, telah sudi meluangkan masa untuk menyampaikan cek replika kepada wakil empat buah sekolah yang terlibat dalam program ini.

Majlis penuh makna itu disaksikan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran, Datin Asariah Mior Shaharuddin; Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Rahanah Baharom dan Naib Presiden (Tanggungjawab Korporat) Pejabat Pengurusan Transformasi, Khazanah Nasional Berhad, Shareen Shariza Abdul Ghani.

Pada majlis yang sama, Pengarah Eksekutif UMW Corporation Sdn. Bhd. yang juga *Project Champion of Silver Book/CSR Initiatives*, Suseela Menon berkata, UMW sentiasa komited dalam membina hubungan yang berkekalan dengan komuniti, terutamanya menerusi program CSR (tanggungjawab korporat sosial) yang melibatkan aspek pendidikan.

“Jadi, tidak hairanlah jika banyak program CSR UMW ada kena mengena dengan pelajar sekolah.

“Justeru, apabila UMW diminta mengambil bahagian dalam Program PINTAR oleh Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop, kami rasa berbesar hati dan memberi maklum balas terbaik terhadap konsep

pembelajaran tersebut,” jelas Suseela.

Sejak penglibatan UMW dalam Program PINTAR pada tahun 2007, dua sekolah angkatnya telah menunjukkan peningkatan akademik yang memberangsangkan. Buktinya, seramai 14 murid memperoleh keputusan 5A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) berbanding hanya lima orang pada tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan yang sama, UMW turut meningkatkan jumlah bantuan kewangan daripada RM120,000 pada 2007 kepada RM 290,000 bagi tahun 2008.

Bantuan ini ditambah bagi menyediakan peruntukan mencukupi untuk membiayai program motivasi dan ceramah secara berkala, selain menyediakan buku kerja tambahan bagi murid tahun satu hingga tahun enam.

Kelas-kelas tambahan yang dijalankan oleh guru-guru melibatkan mata pelajaran bahasa Malaysia, Matematik, Sains dan bahasa Inggeris turut disediakan.

Komitmen UMW terhadap pembangunan pendidikan bukan suatu perkara yang baru. Syarikat ini sentiasa prihatin terhadap keperluan untuk membantu pelajar, lebih-lebih lagi kepada mereka yang datang dari keluarga sosio-ekonominya kurang



CERAMAH motivasi penting bagi memastikan murid-murid ini terus bersemangat untuk belajar dan memperbaiki kelemahan diri.

memuaskan.
Tidak cukup dengan itu, Program PINTAR turut membantu golongan ibu bapa dalam meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dengan cara menggalakkan mereka menyertai 'proses pemantauan' prestasi akademik anak masing-masing. Secara tidak langsung, bantuan ini dapat meringankan sedikit beban kewangan mereka.

Pihak sekolah dan guru yang menyertai Program PINTAR pula memperoleh manfaat dari aspek menerima alatan pembelajaran dan proses pengajaran yang lebih berkesan.

"Kami memberi biasiswa dan ganjaran kepada murid yang memperoleh keputusan peperiksaan yang cemerlang. Kualiti penguasaan bahasa Inggeris mereka juga dipertingkatkan, terutamanya dalam kalangan murid-murid dari kawasan pedalaman.

"UMW turut menaja surat khabar di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dan menyokong pasukan pancaragam sekolah di Shah Alam. Selama lima tahun, sebanyak RM2 juta telah disalurkan kepada Yayasan Tun Ismail," tambahnya.

Selepas tamat majlis, guru besar sekolah, golongan profesional dalam bidang pendidikan dan murid-murid dibawa melawat Galeriku milik UMW bagi memberi gambaran lebih jelas mengenai sejarah UMW dan operasi perniagaannya.

Program PINTAR ini mendapat sokongan daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pelajaran.

Ia diketuai oleh Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama UMW dalam memantau perjalanan program, selain mencadangkan langkah-langkah terbaik untuk memperbaiki kelemahan yang ada sekiranya perlu.

"Selain itu, UMW juga sentiasa menjalin hubungan yang positif

dengan masyarakat. Banyak program CSR telah dilaksanakan, salah satunya ialah program Toyota Eco-Youth yang diperkenalkan pada tahun 2001.

"Program ini bertanggungjawab mendidik generasi muda tentang pentingnya pemuliharaan alam sekitar. Kempen Keselamatan Jalan Raya Toyota dan Wraden Trafik serta Program Hero Trafik pula mendidik murid tentang amalan keselamatan jalan raya sekali gus melahirkan pengguna jalan raya yang berhemah," kata Suseela.

Baru-baru ini, UMW melancarkan program Toyota Eco Rangers yang bermatlamat mendidik dan membina kesedaran remaja mengenai alam sekitar dan isu pemanasan global, menerusi usaha menanam pokok.

Program Toyota Eco Rangers ini dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Anak Warisan Alam dan Kementerian Pelajaran.

Kami memberi biasiswa dan ganjaran kepada murid yang memperoleh keputusan cemerlang. Kualiti penguasaan bahasa Inggeris mereka juga dipertingkatkan, terutamanya dalam kalangan murid dari kawasan pedalaman
– SUSEELA MENON



PESERTA Program PINTAR turut diberi kemudahan buku kerja tambahan.
– Gambar hiasan



UMW sedar bahawa murid-murid yang datang dari keluarga kurang berkemampuan perlu dibantu.
– Gambar hiasan